



KL & SELANGOR
2522-10-SEL

PERSATUAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT WARGA EMAS U3A KUALA LUMPUR DAN SELANGOR

Association for Lifelong Learning of Older Persons U3A Kuala Lumpur and Selangor
d/a Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia.

Matlamat Pertubuhan

1. Menggalakkan penuaan sihat, aktif dan produktif di kalangan warga emas menerusi aktiviti pembelajaran sepanjang hayat, dan;
2. Meningkatkan dan memanfaatkan potensi, keupayaan dan pengalaman warga emas menerusi program Universiti Era Ketiga untuk pembangunan Negara.

Jawatankuasa Pertubuhan (Sesi 2011/2012)

Penasihat

Y. M. Prof. Dr. Tengku Aizan
binti Tengku Abdul Hamid

Presiden

En. Azlan bin Hussain

Timbalan Presiden

Lt. Jen. Dato' Abdul Ghani
bin Abdullah (Bersara)

Setiausaha

Y. M. Engku Tik Azizah
binti Engku Malek

Bendahari

En. Albert Chong Chin Hin

Ahli Jawatankuasa

Pn. Kasummah binti Salleh
En. Tang Yew Voon
Pn. Jamilah binti Abdullah
Pn. A. Easwary Alahakone

Pemeriksa Kira-kira

En. Zainal Abidin K. Ahmed
En. Muniandy I. Viswalingam

Pegawai Penghubung

Ms. Siti Norihan Idrus

Biro-biro

- i. Biro Sosial dan Lawatan
- ii. Biro Akademik
- iii. Biro Komunikasi

14 November 2011

Y. Bhg. Tan Sri / Puan Sri / Dato' / Datuk / Datin / Tuan / Puan / Cik,

Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Gerontologi, UPM dan Persatuan U3A Kuala Lumpur dan Selangor telah selamat menjayakan program Universti Era Ketiga (U3A) [Semester 1 (April - Julai) & Semester 2 (Oktober - Disember)] untuk tahun 2011. Seperti tahun-tahun sebelumnya, satu **Majlis Penyampaian Sijil dan Hari Terbuka** akan dilangsungkan untuk meraikan ahli-ahli yang telah menyertai program ini. Selain daripada jemputan kepada penunjukajar dan fasilitator kursus-kursus U3A, wakil pihak media dan tetamu kehormat khas akan turut diundang.

Majlis tersebut buat julung kalinya akan diadakan di luar kampus UPM dan bertempat di Palm Garden Hotel, IOI Resort, Putrajaya. Untuk maklumat tentang kehadiran dan caj bayaran, sila rujuk Borang Kehadiran Ahli dan Tetamu yang terlampir.

Ahli-ahli U3A adalah juga digalakkan untuk mempamerkan hasil kerja masing-masing pada majlis berkenaan. Untuk penyerahan bahan pameran, sila hubungi mana-mana AJK Persatuan atau ketua kelas kursus masing-masing.

Sesi **Perbincangan Kumpulan Berfokus** pula akan dijalankan pada waktu pagi pada hari yang sama di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Sila rujuk dan lengkapkan Borang Pengesahan Penyertaan yang terlampir.

Semoga semua ahli U3A Kuala Lumpur dan Selangor dapat memberikan sokongan dan kerjasama untuk menjayakan kedua-dua majlis ini. Bersama-sama surat ini dilampirkan kad-kad jemputan dan program untuk rujukan dan tindakan pihak tuan / puan.

Untuk sebarang makluman lanjut, sila hubungi Urusetia Unit U3A melalui talian 03-89472756 (Cik Siti Norihan, Penolong Pegawai Tadbir (Hp: 017-6840352)) atau e-mail ke u3amalaysia@gmail.com. Segala perhatian yang diberikan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

Azlan Hussain

Presiden

Persatuan Pembelajaran Sepanjang Hayat Warga Emas (U3A) KL & Selangor